

12/10/2003

Pak Lah tegas menolak hasrat Chin Peng mahu pulang

Dari Rawalpindi, Pakistan:

ORANG yang kurang senang dengan bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan mereka yang pesimis sekarang baru sedar. Apabila kepentingan negara dan keselamatan menuntutnya, Abdullah berani, tegas dan terserlah. Dia segera menolak keinginan Chin Peng, Setiausaha Agung dan pemimpin perdana Parti Komunis Malaya (PKM) yang kini berusia 81 tahun.

Bila darurat (emergency - euphemism atau kiasan bagi perang gerila) diisytiharkan bulan Jun tahun 1948, saya baru dua penggal tahun pertama di MCKK, berumur 10 tahun. Saya ingat sangat zaman darurat itu, terutama masa kemuncaknya. Darurat berlangsung selama 12 tahun (1948-1960) tetapi keganasan tidak tamat secara mutlak, yakni peperangan keganasan berterusan secara kecil-kecilan sehinggalah Chin Peng dan kerajaan menandatangani perjanjian tamatnya pergeseran dan pertempuran, baru hanya 14 tahun lalu.

Chin Peng dalam usia lanjutnya mahu pulang kerana dilamun nostalgia bagai kata rencana pengarang New Straits Times, Khamis, 9 Oktober, "... to return to Malaysia bears the hallmark of the nostalgic wistfulness of an 81-year-old exile who would like to set foot on his native earth for the last time before he joins his ancestors - yakni secara ringkasnya mahu menghembus nafas terakhir di negara kelahirannya".

Permohonan Chin Peng yang pada sesetengah golongan mengharukan, langsung mereka menggesa kerajaan mengampuni apa jua keganasan yang amat dahsyat dan mengerikan yang telah dilakukannya dan pengikutnya sekian lama yang mengorbankan nyawa berpuluh ribu kedua-dua belah pihak, majoriti antaranya orang awam semua bangsa yang tidak bersalah.

Pak Lah telah menolak dengan tegas, keras dan seringkas bahasa. "Permohonan ditolak dan keputusan ini muktamad."

Chin Peng tidak pernah berganjak daripada kepercayaan kepada komunisme dan pengakuannya bahawa dia seorang nasionalis tidak tepat kerana sebenarnya dia seorang Marxist yang melangsungkan perjuangannya menentang kerajaan kolonial dan kerajaan yang merdeka, pertama pangkalan di dalam hutan rimba Malaysia, setelah itu berpindah ke Betong di selatan Siam dan akhirnya memimpin peperangan gerila dari Beijing.

Apa pun satu perkara yang saya rasa yang tidak boleh dinafikan bahawa pemberontakan komunis yang dipimpin oleh Chin Peng ini, apa pun konsekuennya, telah mempercepatkan kemerdekaan kita kerana pemerintah British sedar kalau mereka mahu sokongan Melayu mutlak menentang komunis, mereka mesti menyegerakan penyerahan kemerdekaan ke tangan mereka. Bak kata Mat Salleh, the rest is history.

Saya tidak pernah ragu Pak Lah akan bertindak tegas apabila ada cubaan hendak kompromikan kesahihan sejarah dan kalau ada keraguan tentang keselamatan agama, bangsa dan tanah air.

Dr Mahathir jadi bintang di Bali dan bintang besar di Putrajaya

DALAM pesawat MAS dari Kuala Lumpur ke Karachi, tengah hari Khamis, saya telah membaca sebuah akhbar Indonesia yang terbesar (Kompas) memaparkan cerita secara besar 'Mahathir tetap jadi bintang, namun Thaksin memukau' dipenuhi dengan gambar berwarna empat kolum besarnya. Jarang pemimpin Melayu mendapat begini besar publisiti dari akhbar seberang. Mengikuti penulis itu, "Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohamad tetap menjadi bintang dan mengalahkan pemimpin mana pun yang tampil dalam pertemuan tingkat tinggi bisnes dan investasi Asean di Nusa Dua, Bali, Isnin. Meskipun Mahathir tampil sebagai pembicara terakhir sekitar pukul 5

petang, ruangan Grand Ballroom Bali Hilton tetap penuh oleh pengunjung... Tiada pemimpin lain yang berhasil mencuakkan antusiasme (enthusiasm) peserta sehebat Mahathir.

Bahkan, ada seorang Perdana Menteri, ketika tampil sebagai pembicara, tidak begitu mendapat sambutan. Itu terlihat dari adanya sejumlah (besar?) kerusi kosong... Saya tidak perlu bicara panjang untuk memperkenalkan PM Mahathir.

Saya beruntung kerana tugas saya menjadi lebih ringan kerana semua orang tahu PM Mahathir dengan pandangan-pandangan yang lugas itu," tegas Tanri Abeng yang memperkenalkan Dr Mahathir.

Mengikut laporan media Indonesia itu, Dr Mahathir tetap menabur senyum seorang pemimpin tetapi nada suaranya juga teramat lembut. Mungkin, kata Kompas, hanya seorang saja pemimpin Asean kini yang boleh mengimbangi karisma Mahathir, iaitu Thaksin. Walaupun Thaksin tidak memiliki figure (ketokohan) Dr Mahathir atau sekuat Dr Mahathir, ucapan-ucapan Thaksin juga membuat peserta tertarik dan terlihat mereka serius mendengarnya. Dengan berpihakkannya kepada rakyat biasa di Thailand, Thaksin barangkali akan menjadi pengganti Dr Mahathir.

Thaksin yang saya interviu pada 9 Julai lalu memang seorang yang ada karisma dan dia sangat ghairah dan mahu secepat mungkin katanya dalam masa lapan tahun, mencapai apa yang dicapai Lee Kuan Yew dan Dr Mahathir untuk Singapura dan Malaysia.

Thaksin sungguh-sungguh bercita-cita mahu mengambil tempat Dr Mahathir dan Lee Kuan Yew dan peluangnya agak cerah kerana dia ada karisma dan partinya kuat dan dia mengurus pentadbirannya di Thailand ala businessman kerana sebelumnya dia memang seorang ahli korporat walaupun sebelum itu dia seorang pegawai polis.

Sampaikan cita-cita ini dan cita-citanya mahu menyusun semula masyarakat Thailand, sama-sama kita lihat. Tetapi kalaulah dia terus berkuasa dan kuat dan tidak disokong oleh birokrasi Thailand yang seperti birokrasi Jepun yang begitu konservatif dan tradisional, mungkin cita-citanya tidak akan tercapai. Lagipun, kata beberapa bijak bestari Thai kepada saya, mereka akur hasratnya tetapi mereka ragu dia mempunyai bakat dan kepintaran Dr Mahathir dan Lee Kuan Yew, terutama dalam menangani kuasa dan pengaruh birokrasi Thai untuk mencapai matlamatnya.

Di Pakistan selepas ujian nuklear

APABILA anda membaca kolum ini, Hishamuddin Aun dan saya baru sampai balik di KLIA setelah menginterview Presiden Pervez Musharraf dari Pakistan. Empat belas bulan dulu kami juga telah menginterviewnya. Kali ini sempena kehadirannya di Sidang Kemuncak OIC. Musharraf terpenting kerana Pakistan bukan saja antara negara Islam terbesar tetapi negara Islam tunggal mempunyai bom nuklear. Dan minggu lepas saja Pakistan membuat ujian peluru berpandu terbaru yang dikata mempunyai jarak sederhana jauh dan muatan warheads yang lebih berat dan mempunyai kuasa pemusnah yang lebih hebat.

Berapa ramai pemimpin-pemimpin negara Islam yang benar-benar dihormati dan disegani, suka tidak suka, oleh dunia Barat kecuali Dr Mahathir, Musharraf dan Megawati Sukarnoputri dari Indonesia (antaranya sebab dia memimpin negara Islam terbesar selain negara yang keempat terbesar dari segi penduduk).